

**Semua Pegawai dan Kakitangan
Yayasan RISDA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ARAHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BILANGAN 7 TAHUN 2023
MENERIMA PAKAI ARAHAN PENTADBIRAN RISDA HOLDINGS SDN. BHD. (RHSB)
BILANGAN 10 TAHUN 2023
- BAYARAN KE ATAS TUNTUTAN FI KEHADIRAN, ELAUN PERJALANAN SERTA
ELAUN-ELAUN LAIN YANG DITUNTUT OLEH BEKAS KAKITANGAN KRH YANG
HADIR KE MAHKAMAH BAGI KES SIVIL DAN KES JENAYAH DAN KEHADIRAN
UNTUK SEBARANG PERBINCANGAN**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Kali Ke-19 pada 5 Disember 2023 telah bersetuju meluluskan dan menerima pakai Arahan Pentadbiran RISDA Holdings Sdn. Bhd. (RHSB) Bilangan 10 Tahun 2023 berhubung Bayaran Ke Atas Tuntutan Fi Kehadiran, Elaun Perjalanan Serta Elaun-Elaun Lain Yang Dituntut Oleh Bekas Kakitangan KRH Yang Hadir Ke Mahkamah Bagi Kes Sivil Dan Kes Jenayah Dan Kehadiran Untuk Sebarang Perbincangan.

3. Menurut **Aturan 59, Kaedah 23 (8) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012** untuk Kes Sivil jelas memperuntukkan:

"Jika seseorang hadir ke Mahkamah sebagai seorang saksi, dia bolehlah dibenarkan suatu fi yang munasabah dan elaun perjalanan".

4. Berdasarkan kaedah di atas adalah wajar seseorang yang hadir ke Mahkamah untuk dibayar fi yang munasabah seperti berikut:

- 4.1 Fi yang munasabah adalah termasuk elaun kehadiran dan makan minum (yang dikira secara *lump sum* mengikut jumlah hari memberi keterangan) serta penginapan hotel (berdasarkan resit hotel).
 - 4.2 Elaun perjalanan adalah melibatkan kos perjalanan/ perbatuan (pergi dan balik) berdasarkan skala yang diguna pakai oleh Kumpulan RISDA Holdings.
5. Bagi Kes Jenayah, seseorang yang dipanggil sebagai saksi oleh Kerajaan (Pihak Berkuasa Tempatan) untuk memberi keterangan berdasarkan laporan polis yang dibuat oleh KRH adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan (Pihak Berkuasa Tempatan) untuk membayar elaun kehadiran. Saksi perlu mengemukakan SAPINA yang diterima kepada pihak polis untuk dicop kehadiran bagi urusan pembayaran.
6. Arahan ini adalah berkuat kuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

جزاك الله خيرا

'BECAUSE WE CARE'


WAN MOHD HAFIZ BIN WAN IBRAHIM
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YAYASAN RISDA